

Air bersih, selamat

US Jumaat 19/8/11
m/s 1

UNIMAS-EPC Synergy meterai MoU kerjasama jalankan penyelidikan

MULLER ASEN

KUCHING, Khamis — Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) menerusi kerjasama strategik dengan EPC Synergy Sdn Bhd akan menjalankan penyelidikan dalam penyediaan bekalan air bersih dan selamat selain pembangunan sistem sanitasi yang teratur.

Untuk tujuan itu satu Memorandum Persefahaman (MoU) telah ditandatangani di antara UNIMAS dan EPC Synergy Sdn Bhd di salah sebuah hotel terkemuka di sini semalam.

Naib Canselornya, Profesor Datuk Dr Khairuddin Abdul Hamid dalam ucapannya berkata, MoU berkenaan membuka langkah kepada UNIMAS dan EPC Synergy menerokai pembangunan infrastruktur luar bandar terutamanya dalam bidang tenaga hijau, bekalan air dan teknologi rawatan air.

"Saya yakin kerjasama strategik ini adalah sejajar dengan usaha Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) bagi memperluaskan bekalan air bersih khususnya melibatkan kawasan luar bandar.

"Antara lain, ia juga bagi membolehkan kedua-dua pihak mendapat manfaat serta berkongsi informasi teknologi kejuruteraan air menerusi kejuruteraan inovatif yang akan dibangunkan bersama kelak," katanya.

Sambil menambah, KKLW turut mensasarkan 13,024 rumah di kawasan luar bandar negeri ini dilengkapi dengan bekalan air bersih bagi mencapai Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) tahun ini.



TEKNOLOGI AIR ... Prof. Datuk Dr Khairuddin Abdul Hamid ditemani Tan Sri Haji Bujang Nor melihat sendiri hasil kualiti air yang dihasilkan oleh EPC Synergy sebaik sahaja selesai upacara menandatangani MoU di antara Unimas dan EPC Synergy yang berlangsung di Hotel Grand Magherita, Kuching semalam. • FOTO: MUHAMMAD RAIS SANUSI